



RINGKASAN KESELURUHAN LKAN SECARA INFOGRAFIK

RINGKASAN KESELURUHAN LKAN 2022

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Jumlah Kos Keseluruhan
RM208.882 bilion

Pengurusan & Kawal Selia Senjata Api Jabatan & Agensi di Bawah Kementerian Dalam Negeri

1 Projek **RM316 juta**
Pengurusan Projek Pemajuan Kawasan

2 Sistem ICT

RM1.069 bilion

Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) & Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)

16

KAJIAN

14

KEMENTERIAN

55

SYOR AUDIT

13 Program/Aktiviti

RM189.290 bilion

Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan

RM6.820 bilion

Pengurusan Program Penanaman Padi

RM2.215 bilion

Pengurusan Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat

RM5.230 bilion

Pengurusan Kawalan Penyakit Denggi

RM1.026 bilion

Pengurusan Naik Taraf & Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah

RM822.61 juta

Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi

RM620 juta

Pengurusan Program Podium Sukan Elit

RM164.60 juta

Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan & Daya Saing Industri Pembinaan

RM75.38 juta

Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin

RM68.2 juta

Pengurusan Projek Penyelidikan & Pembangunan oleh Lembaga Getah Malaysia

RM145 juta

Program Ramalan & Amaran Banjir Negara

RINGKASAN ISU UTAMA

6

KEHILANGAN/KERUGIAN WANG AWAM
RM681.71 juta



1. Pengurusan Program Penanaman Padi **RM660.14 juta**
2. Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi **RM14.33 juta**
3. Pengurusan & Kawal Selia Senjata Api Jabatan & Agensi di Bawah Kementerian Dalam Negeri **RM6.34 juta**
4. Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin **RM0.49 juta**
5. Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan **RM0.29 juta**
6. Pengurusan Program Bandar Selamat **RM0.12 juta**

3

PEMBAZIRAN
RM21.35 juta



1. Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) & Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) **RM19.39 juta**
2. Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin **RM1.04 juta**
3. Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan & Daya Saing Industri Pembinaan **RM0.92 juta**

2

PEMBAYARAN TIDAK TERATUR
RM1.52 juta



1. Pengurusan Program Podium Sukan Elit **RM1.47 juta**
2. Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan & Daya Saing Industri Pembinaan **RM0.05 juta**



Pencapaian Objektif/Keberhasilan Projek/Program

11

Tidak Tercapai

1. Pengurusan Program Penanaman Padi
2. Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) & Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)
3. Pengurusan Naik Taraf & Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah
4. Kelestarian Pengangkutan Awam Darat di Lembah Klang
5. Pengurusan Program Podium Sukan Elit
6. Pengurusan Program Bandar Selamat
7. Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan & Daya Saing Industri Pembinaan
8. Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin
9. Pengurusan Projek Pemajuan Kawasan
10. Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi
11. Pengurusan Projek Penyelidikan & Pembangunan oleh Lembaga Getah Malaysia

2

Tercapai

1. Pengurusan Kawalan Penyakit Denggi
2. Pengurusan Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat

3

Tidak Dapat Diukur

1. Program Ramalan & Amaran Banjir Negara
2. Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan
3. Pengurusan & Kawal Selia Senjata Api Jabatan & Agensi di Bawah Kementerian Dalam Negeri

PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2022 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan. Bagi LKAN Tahun 2022, **sebanyak 16 pengauditan prestasi bernilai RM208.882 bilion telah dilaksanakan** di 14 kementerian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 13 pengauditan bernilai RM207.352 bilion melibatkan kategori program/aktiviti, satu pengauditan bernilai RM316.0 juta melibatkan projek dan dua pengauditan bernilai RM1.214 bilion melibatkan sistem ICT. Sebanyak satu program/aktiviti tidak melibatkan perbelanjaan pembangunan iaitu Pengurusan dan Kawal Selia Senjata Api Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.
2. Penglibatan Kementerian dalam 16 pengauditan tersebut adalah seperti berikut:
 - a. Tiga pengauditan melibatkan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.
 - b. Tiga pengauditan melibatkan Kementerian Dalam Negeri.
 - c. Dua pengauditan melibatkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
 - d. Satu pengauditan masing-masing melibatkan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perlindungan dan Komoditi, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Sumber Manusia.
3. Secara keseluruhannya, daripada 16 program/aktiviti/projek yang disemak didapati beberapa penemuan seperti berikut:
 - 3.1. Bagi aspek penilaian pencapaian objektif projek didapati:
 - a. **Dua program/aktiviti/projek telah berjaya mencapai objektif** projek seperti yang ditetapkan, iaitu Pengurusan Kawalan Penyakit Denggi dan Pengurusan Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat.
 - b. **11 program/aktiviti/projek tidak mencapai objektif** projek seperti yang ditetapkan seperti berikut:

- Pengurusan Program Penanaman Padi
- Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)
- Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah
- Kelestarian Pengangkutan Awam Darat di Lembah Klang
- Pengurusan Program Podium Sukan Elit
- Pengurusan Program Bandar Selamat
- Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan dan Daya Saing Industri Pembinaan
- Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin
- Pengurusan Projek Pemajuan Kawasan
- Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi
- Pengurusan Projek Penyelidikan dan Pembangunan oleh Lembaga Getah Malaysia

- c. **Tiga program/aktiviti/projek tidak dapat diukur tahap pencapaian objektif** projek seperti yang ditetapkan iaitu Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara, Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan serta Pengurusan dan Kawal Selia Senjata Api Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.

3.2. Terdapat **enam kes kehilangan/kerugian wang awam bernilai RM681.71 juta** melibatkan Pengurusan Program Penanaman Padi, Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi, Pengurusan dan Kawal Selia Senjata Api Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri, Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin, Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan dan Pengurusan Program Bandar Selamat. Perkara ini antaranya berkaitan pemberian pengecualian denda yang dikenakan ke atas kelewatan pembekalan dan penghantaran baja, penyaluran subsidi dan insentif pesawah tidak optimum, kegagalan mengutip hasil pajakan tanah dan perolehan secara penggantian pelupusan senjata api tidak dibekalkan sepenuhnya.

3.3. Terdapat **tiga kes pembaziran bernilai RM21.35 juta** melibatkan Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) & Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS), Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin dan Pengurusan Program

Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan dan Daya Saing Industri Pembinaan. Kes yang dibangkitkan antaranya berkaitan sistem yang tidak digunakan secara optimum di mana 11 daripada 14 modul sistem ePPAx tidak digunakan dalam proses pengurusan pekerja asing, projek pangkalan hadapan yang siap pada tahun 2020 tidak dapat digunakan dan peralatan kelengkapan latihan (ACMV Industrial) tidak digunakan sejak diterima pada tahun 2018.

3.4. Terdapat juga **dua kes pembayaran tidak teratur bernilai RM1.52 juta** melibatkan Pengurusan Program Podium Sukan Elit dan Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan dan Daya Saing Industri Pembinaan. Perkara yang berbangkit adalah berkaitan perbelanjaan di luar skop kelulusan dan tajaan program dibuat kepada peserta yang tidak memenuhi syarat.

4. Hasil daripada pengauditan yang dilaksanakan, **Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 55 syor** untuk diambil tindakan oleh kementerian/jabatan/agensi berkaitan. Antara syor yang dikemukakan adalah kementerian/jabatan/agensi dimohon menjalankan kajian terperinci bagi setiap cadangan projek terlebih dahulu sebelum diluluskan. Selain itu, kementerian/jabatan/agensi juga harus mempertingkatkan aspek pemantauan bagi memastikan program/aktiviti/projek dilaksanakan mengikut jadual atau perancangan yang ditetapkan. Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan perlu menetapkan kriteria dan mekanisme penilaian keberhasilan semasa di peringkat perancangan untuk setiap program projek yang dilaksanakan.

